



SUMBER : Sinar Harian
TARIKH : 22/10/2008
MUKA SURAT : N3

Pemilihan MPPUMP Sesi 2008/2009 berjalan lancar

KUANTAN – Mohd 'Afif Abd Aziz dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berjaya memperoleh undi terbanyak daripada enam calon yang bertanding untuk merebut lima kerusi umum dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Pahang (MPPUMP) sesi 2008/2009 yang diadakan semalam.

Jumlah keseluruhan pemilih yang berdaftar sebagai pengundi pada pemilihan kali ini adalah seramai 4,715 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 77.88% pelajar keluar menjalankan tanggungjawab tersebut.

UMP menjalankan proses pengundian melalui 'on-line' dan proses pengiraan undi boleh diketahui seurus selepas proses pemilihan tamat. Keputusan

pemilihan MPPUMP itu diumumkan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang merangkap Pengerusi Suruhanjaya Pemilihan MPP Sesi 2008/2009, Profesor Dr Abd Jalil Borham,

Pemilihan kali ini menyaksikan calon-calon yang bertanding untuk merebut lima kerusi umum dan 10 kerusi fakulti. Selain itu, terdapat empat kerusi fakulti yang diisytiharkan menang tanpa bertanding.